# tugas penuh integriti

Oleh: Noor Eszereen Juferi
Foto: Norazreen Awang



SERDANG, 3 Mei – Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris mahu semua warga UPM untuk sentiasa melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan penuh integriti.

Katanya, mereka perlu menjauhkan diri daripada terlibat dengan unsur yang boleh membawa kepada salah guna kuasa dan rasuah.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dalam membasmi rasuah serta memartabatkan integriti di kalangan warga UPM, yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar, UPM.

Beliau mengetuai lafaz ikrar itu yang disertai Pegawai Kanan serta warga UPM. Ia disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dato' Shamshun Bahari Mohd Jamil.

"Harapan saya dengan lafaz ikrar ini dapat membantu warga UPM untuk sentiasa beringat serta mematuhi undang-undang dan prosedur yang ditetapkan dan menjauhkan diri dari terlibat dengan unsur yang boleh membawa kepada salah guna kuasa atau rasuah," kata Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini.



LIHAT JUGA


Pensyarah UPM menang Anugerah Buku Nega 2018 (/berita/pensyarah_upm_menang_anugerah_b gara_2018-39851)


'Hindari rasuah, laksanakan tugas penuh integriti' (/berita/hindari_rasuah_laksanakan_tu enuh_integriti-39767)


Johnathan, Norliyana dinobat Olahragawan, Olahragawati UPM 2017 (/berita/johnathan_norliyana_dinobat_olahrag olahragawati_upm_2017-39673)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1526961098

Sementara itu, Majlis Gemilang Putra (MGP) dan Sambutan Hari Pekerja 2018 turut diadakan pada majlis tersebut.

Pendaftar UPM, Dato’ Wan Azman Wan Omar berkata majlis itu akan menjadi pendorong serta motivasi kepada warga UPM untuk mengekalkan rentak kecemerlangan dan terus berusaha meningkatkan produktiviti serta kualiti kerja.

“Dengan gelombang Revolusi Industri 4.0 warga UPM perlu melakukan transformasi ke arah menjadi pekerja berkemahiran supaya output yang dihasilkan lebih berkualiti, serta menjimatkan masa dan kos,” katanya.

Majlis Gemilang Putra adalah majlis pengiktirafan universiti kepada staf yang cemerlang pada tahun 2017. Sebanyak lima kategori dianugerahkan termasuk Anugerah Jasamu Dikenang yang dianugerahkan kepada 12 pegawai yang meninggal dunia.

Anugerah Jasa Putra pula disampaikan kepada 149 pegawai yang telah bersara, Anugerah Setia Putra kepada 47 pegawai yang telah berkhidmat untuk tempoh 20 tahun, Anugerah Bakti Putra kepada 34 pegawai yang telah berkhidmat untuk tempoh 30 tahun, dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang untuk 469 pegawai yang berkhidmat dengan cemerlang pada 2017.



Bagi sambutan Hari Pekerja pula, sebanyak enam kategori dianugerahkan iaitu Anugerah Tokoh Pekerja (P&P Akademik) yang diterima Prof. Dato’ Dr. Mohd Saleh Jaafar dan Anugerah Tokoh Pekerja (P&P Bukan Akademik), Dr. Hanafiah Ayub.

Anugerah Tokoh Pekerja (Pelaksana), Rogayah Md Yasin; Anugerah Perkhidmatan Paling Lama (P&P Akademik), Prof.Dr. Mohd Ali Hassan; Anugerah Perkhidmatan Paling Lama (P&P Bukan Akademik), Norrzuan Yusof dan Anugerah Perkhidmatan Paling Lama (Pelaksana), Nambirajan a/l K. Rajaratnam. - UPM

Kemaskini:: 18/05/2018 [hairul_nizam]

**PERKONGSIAN MEDIA**

BM

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587
+603 8948 7273
marketing@upm.edu.my

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://spln.upm.edu.my)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)
1Malaysia (http://www.1malaysia.com.my)
Multimedia Super Corridor (http://www.mscmalaysia.my)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)
Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.r
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/r 8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/D
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.e
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/k
Poliklinik Putra Medik (http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli
Takwim UPM 2018 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/ 2018.pdf)

B1526961098

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

BM

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949)
Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)
Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

© 2018 Universiti Putra Malaysia

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

B1526961098